Jadi memadakah dengan iman di dada sahaja seorang yang berdedah itu akan terjamin keadaannya.

Yang dikatakan kemajuan orang-orang Barat yang bebas, bercampur gaul di antara lelaki dan perempuan sebenarnya adalah membawa kepada keruntuhan dan mencapai "kemajuan". Itukah yang dikejar oleh kita hari ini? Inilah pertanyaan yang minta dijawab oleh masyarakat Islam.

Ada orang berkata "Kalau bertudung itu, kalau mahu jahat pun jahat juga". Itu betul – "Kalau mahu". Tetapi orang yang tidak bertudung itu sudah jadi orang jahat (yang melanggar) perintah Allah dan rasul-Nya. Orang yang dipelihara dengan sopan, kalau mahu jahat sebenarnya boleh jahat. Oleh yang demikian apakah tidak perlu dipelihara dengan sopan?

Orang-orang yang berkeliaran di jalan-jalan raya kalau mahu baik boleh jadi baik. Kalau begitu apakah kita diamkan sahaja anak-anak kita itu berkeliaran di jalan-jalan raya sahaja?

Orang-orang yang terpelajar (tahu membaca dan menulis) kalau mahu jahat boleh jadi jahat. Dengan itu apakah tidak perlu pelajaran?

Dengan tidak pakai baju kalau mahu baik ia jadi baik. Sebab itu apakah patut kita biarkan sahaja seseorang itu dengan tidak berbaju?

Semuanya hendaklah diawasi dan dijaga – dan natijahnya terpulang kepada orang ramai, tetapi kalau yang didedahkan itu tentu membawa kejahatan dan kerana itu maka berkewajipan kita membentuk masyarakat yang baik – yang berdasarkan perintah Allah dan rasul-Nya dan bukan berdasar kepada perasaan dan *sentiment.*

* * *

Cara Kita Bersyukur

Sebelum tanah air kita merdeka dahulu, agama dijajah sama dan kebebasan kita di dalam kebangsaan dan agama tidak ada. Orang-orang kita, terutamanya yang berjiwa agama meniupkan roh kemerdekaan umat terus-menerus sehingga akhirnya umat Melayu bersatu padu dan kesedaran timbul. Dengan kesedaran itu, maka berjuanglah mereka bertungkus lumus merebut kemerdekaan dan akhirnya Allah yang Maha Kuasa mengkabulkan cita-cita umat itu dengan diberi-Nya kemerdekaan dan menjadilah negara kita sebuah negara yang berdaulat dan menjadikan agama Islam sebagai agama yang dirasmikan untuk negara ini.

Tiap-tiap umat bersyukur kepada Allah – dan umat bergembira. Cara bersyukur kepada kurniaan Allah atas sesuatu kelimpahan Tuhan itu dilakukan oleh setengah-setengah golongan dengan cara yang sebenarnya. Mengucapkan kesyukuran kepada Allah, tetapi pada setengahnya kesyukuran atas kelimpahan menerima kurnia Tuhan *Rabb al-'Ālamīn* itu dengan bersuka ria dan mengerjakan maksiat yang ditegah oleh Allah – sebagai balasan kelimpahan dan kurniaan Allah kepada mereka.

Dari satu ke satu masa, kita mendengar dan memuji usaha kerajaan mendirikan masjid-masjid untuk tempat beribadah kepada Allah, tetapi sesudah masjid-masjid itu didirikan, ia dibiarkan – tidak berpenghuni selain daripada tempat untuk seminggu sekali, sedang golongan-golongan cerdik pandainya, pemimpin-pemimpin dan ketua-ketuanya, yang jadi ketua-ketua itu kelihatan ada bersama-sama mengisi masjid. Ini disyukuri, tetapi manakala mereka keluar daripada masjid itu, banyak pula di antara mereka itu melakukan perkerjaan-perkerjaan yang bertentangan dengan ajaran-ajaran Allah dan kerap kali pula menggalakkan perbuatan-perbuatan maksiat sebagai majlis-majlis kesyukuran atas sesuatu kejayaan dan kelimpahan yang diberi atau dijayakan oleh Allah.

Pembawa atau penyampai agama Allah, Muḥammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* apabila sempurna 23 tahun menyampaikan agama Allah kepada manusia seluruhnya dengan sepotong hadith baginda bersabda: "Aku diutus adalah untuk menyempurnakan ketinggian dan kemuliaan akhlak."

Kebenaran sabdanya terbukti, iaitu apabila pengikut-pengikutnya berakhlak dengan akhlak yang mulia, maka mereka itu akan menjadi tinggi dan mulia, apabila sesuatu bangsa itu berakhlak dengan akhlak yang mulia, maka bangsa itu akan tinggi dan mulia pula kedudukannya, tetapi jika bangsa itu akhlaknya runtuh maka bangsa itu akan hancur dan runtuh pula.

Jalan itu mengikut sunnah Allah. Umat yang tidak sedar kepada dirinya, tidak menyedari akan tanggungjawab orang-orang yang dipimpinnya, akan binasalah umat itu sama sekali dengan perbuatan dan kecuaian pemimpin-pemimpin mereka itu, kerana tidakkah Allah telah menjanjikan di dalam surat Banī

Rencana Pengarang

Isrā'īl ayat 16 dan 17 yang berbunyi maksudnya:

"Apabila Kami mahu membinasakan sesebuah negeri, lebih dahulu kami perbanyakkan di dalam negeri itu orang-orang yang *royal* (joli menurut kemahuan hawa nafsunya) lalu mereka melakukan perbuatan-perbuatan fasik, sebab itu patutlah mereka ditimpa seksa (bala bencana). Lalu Kami hancurkan negeri itu sehancur-hancurnya. Dan beberapa negeri yang telah Kami binasakan sesudah Nūḥ; dan cukuplah Tuhanmu mengetahui dan melihat dosa-dosa hamba-hamba-Nya."

Apa jua bangsa di dalam dunia, apa jua agama pun, baik Islam atau Kristian atau Yahudi atau Majusi. Jatuhnya bangsa itu apabila akhlak atau moral umatnya rendah. Jatuhnya Kerajaan Mu'āwiyah, kerana akhlaknya rendah, jatuhnya kerajaan 'Abbāsiyyah kerana akhlaknya rendah, jatuhnya kerajaan Islam di Andalus yang beratus-ratus tahun menguasai negeri itu kerana akhlaknya rendah juga. Padahal dahulunya mereka mulia kerana akhlak (moral) mereka tinggi dan mulia.

Apabila pemimpin-pemimpin telah mabuk daratan, melupakan nikmat Tuhan dan tidak bersyukur dengan sebenar-benar syukur kepada Tuhan, maka jagalah bahawa yang demikian menjadi suatu tanda bahawa Allah akan menghancurkan umat itu dengan sehancur-hancurnya dan akan menjatuhkan umat itu dengan sehina-hinanya dan menenggelamkan umat itu dari muka bumi ini. Sedarlah dan insaflah.

Bentuklah dan binalah persaudaraan umat, dan janganlah kamu berpecah belah. Ingatlah firman Allah yang ertinya:

"Dan taatlah kepada Allah dan rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan kerana nanti kamu jadi lemah dan hilang kekuatan kamu; sabarlah kerana sesungguhnya Allah bersama-sama dengan orang-orang yang sabar."

Saudara Sharifuddin Ilyas, *machine operator* Percetakan Qalam sedang menerangkan cara-cara buku-buku penerbitan Qalam dicetak kepada Tuan Isamuddin Hawas Setiausaha kedua Kedutaan Republik Arab Bersatu sewaktu lawatan beliau ke Percetakan Qalam pada bulan Mei yang lalu.